

21/07/2005

KASTAM-TIPU ISYTIHAR

KASTAM MESTI TANGANI TIPU ISYTIHAR KERETA-KERETA IMPORT, KATA ASMAT

Oleh: Ahmad Farizal Abd Hajar

KUALA LUMPUR, 21 Julai (Bernama) -- Jabatan Kastam Diraja mestilah menangani dakwaan yang kian meningkat mengenai Permit Kelulusan (AP) import kereta disalah gunakan melalui penipuan perisytiharan kereta-kereta import, sekiranya gagal ia boleh menjejaskan daya saing kereta-kereta nasional, ketua sebuah firma kereta utama berkata di sini hari ini.

"Sekeras-kerasnya, tiada sesiapa patut menipu perisytiharan," kata Tan Sri Asmat Kamaludin, pengerusi UMW Holdings Bhd dan bekas ketua setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

"Penipuan Perisytiharan adalah sesuatu yang Jabatan Kastam mesti prihatin dan tangani," terutamanya kereta-kereta yang bersaing dengan Proton dan Perodua," beliau memberitahu Bernama semasa ditemui pada pembukaan rasmi seminar automasi perindustrian di sini hari ini.

Kedua-dua Proton dan Perodua adalah kereta nasional.

Asmat, yang juga pengerusi Perodua -- yang dimiliki 38 peratus oleh UMW Holdings, berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai AP dan penipuan perisytiharan kereta-kereta diimport.

Perkara ini telah meletus menjadi satu kontroversi dan sedang hangat diperkatakan pada Perhimpunan Agung UMNO yang sedang berlangsung sekarang di mana bekas ketua Asmat dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, telah menjadi sasaran bidasan.

Kontroversi itu meletus apabila bekas Perdana Menteri dan penasihat Proton Tun Dr Mahathir Mohamad berkata baru-baru ini pengeluaran sebilangan besar permit itu telah menyebabkan persaingan tidak adil terhadap kereta nasional itu.

Dr Mahathir mendakwa banyak pengimport menipu perisytiharan harga dan menjual kereta-kereta pada harga yang lebih rendah daripada harga sebenar; dan beliau mempersoalkan bagaimana 20 syarikat diberikan sebahagian besar daripada 50,000 AP apabila matlamat kerajaan adalah untuk membantu sebanyak mungkin usahawan Bumiputera dengan menebarkan keluaran AP.

Rafidah telah menjawab semua perkara yang ditimbulkan oleh Dr Mahathir selepas Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta beliau berbuat demikian untuk menyekat spekulasi yang AP itu disalah gunakan.

Asmat berkata bahawa "setiap orang mesti membayar duti berasaskan kepada nilai produk-produk mereka mahu bawa masuk dan bukan semata-mata kereta, ia sepatutnya meliputi semua barang (diimport).

"Malahan beg tangan, anda tidak boleh kata ia adalah seringgit sedangkan ia adalah sebenarnya sepuluh ringgit. Kerajaan prihatin terhadap pandangan-pandangan yang dinyatakan mengenai AP dan perlu mengambil satu keputusan," katanya.

Di samping itu, katanya jika masalah itu dibiarkan tidak dibendung, ia akan menjejaskan pungutan hasil yang patut dibayar kepada kerajaan (dan) "jika kerajaan tidak memungut duti-duti yang tepat kerana penipuan perisytiharan, kerajaan kerugian wang."

Beralih kepada perlindungan industri automotif tempatan, katanya: "Bagi kami, sebagai penggiat automotif, jika kerajaan bermaksud melindungi kami dan ia adalah tidak memadai (kerana penipuan perisytiharan), maka kami tidak mendapat perlindungan yang betul yang kami berhak."

Bagi Perodua yang mempunyai 80 peratus kandungan tempatan, katanya bahawa "pada ketika ini, kami mempunyai kereta yang baik seperti MyVi yang telah mendapat sambutan amat baik."

Pada perhimpunan UMNO, ketua penerangan Pemuda UMNO Datuk Azimi Daim

menceritakan pengalamannya membeli kereta import komponen dibina sepenuhnya (CBU), beliau telah membeli untuk RM160,000, tetapi dalam beberapa bulan kemudian versi komponen terurai (DKD) model yang sama dijual sebanyak RM120,000.

Beliau juga berkata bahawa sebuah syarikat kemudian membuka sebuah kilang untuk membuat kereta yang hampir serupa, dengan hanya pertukaran nama dan setiap sebuah berharga RM100,000.

Laporan-laporan berita memetik sumber-sumber industri yang menyatakan bahawa penipuan perisytiharan mengakibatkan kerajaan kerugian berjuta-juta ringgit dalam bentuk cukai.

Meraka berkata sesetengah pengimport telah bertindak sehingga ke tahap mengurangkan pendedahan mereka ke atas cukai-cukai kerajaan dengan memecahkan tempahan pembelian mereka di mana pengeksport itu akan menulis invois berasaskan kepada tempahan pembelian kedua sahaja.

Pengimport it kemudian mengisytiharkan kepada Kastam hanya satu tempahan pembelian, yang bermakna harga jualan yang akan diisytiharkan oleh Kastam akan berdasarkan kepada hanya separuh daripada harga sebenar kereta-kereta itu.

Di samping itu, sumber-sumber itu berkata invois yang digunakan bagi Perisytiharan Kastam akan termasuk pembayaran palsu yang kononnya telah dibuat oleh pengimport itu, yang berjumlah beberapa ribu ringgit setiap sebuah kereta, apabila pengeluar itu sepatutnya menghantar kakitangan ke Malaysia untuk mengawasi perkhidmatan selepas jualan itu.

Banyak pihak telah menggesa dibuat kajian semula terhadap sistem AP yang diperkenalkan pada 1970 yang mereka lihat sebagai hanya memperkayakan segelintir individu dan syarikat tidak sebaliknya membangunkan sekumpulan usahawan Bumiputera yang luas dalam sektor auto it. -- BERNAMA

AFH MR OS